
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2008

Julai 2008

DPP 408 – KAEDAH MENGAJAR

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

ARAHAN :

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

- | | | |
|------------------------------|---|---|
| BAHAGIAN A | : | WAJIB dijawab oleh semua calon |
| BAHAGIAN B (ICT) | : | WAJIB dijawab oleh calon ICT |
| BAHAGIAN C (TESOL) | : | WAJIB dijawab oleh calon TESOL |
| BAHAGIAN D (Pendidikan Khas) | : | WAJIB dijawab oleh calon Pendidikan Khas |

BAHAGIAN A

WAJIB dijawab oleh semua calon.

1. Terdapat empat model pengajaran yang berkaitan dengan teori pembelajaran.
 - (a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan sebagai model pengajaran.
(5 markah)
 - (b) Huraikan ciri-ciri utama bagi **EMPAT (4)** model pengajaran tersebut.
(20 markah)
 - (c) Pilih **SALAH SATU** daripada model-model tersebut .
Huraikan bagaimana anda mengaplikasikan model tersebut dalam pengajaran anda. Sertakan contoh-contoh yang sesuai dalam huraian anda.
(15 markah)

**BAHAGIAN B
(ICT)**

Dijawab oleh calon-calon ICT sahaja.
Jawab **SEMUA** soalan

2. Pilih salah satu daripada kaedah asas dalam pengajaran.
- (a) Huraikan **LIMA (5)** perkara asas dalam kaedah tersebut dan cara pelaksanaannya. (10 markah)
- (b) Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, jelaskan bagaimana anda dapat mengaplikasikan kaedah tersebut dalam pengajaran yang berkesan. (20 markah)

DAN

3. Pengajaran yang berkesan memerlukan penggunaan bahan bantu mengajar yang terkini dan bersesuaian dengan teknologi semasa.
- (a) Jelaskan asas-asas penyediaan dan pembinaan bahan ICT untuk pengajaran dan pembelajaran. (10 markah)
- (b) Berdasarkan satu tajuk pelajaran, sediakan satu rancangan pengajaran yang lengkap yang menggunakan bahan ICT secara menarik dan berkesan. (20 markah)

**BAHAGIAN C
(TESOL)**

Dijawab oleh calon-calon TESOL sahaja.
Jawab **SEMUA** soalan

4. (a) Explain the concept of a '**learning activity**' in the context of TESOL.
(10 marks)
- (b) What are the characteristics of successful learning activities of TESOL. Illustrate and exemplify with a learning activity for either teaching grammar or teaching of any of the four language skills in TESOL.
(20 marks)

AND

5. (a) What is the rationale of the English language curriculum for Malaysian secondary schools ?
(15 marks)
- (b) Develop a lesson plan to illustrate and exemplify any part of this rationale.
(15 marks)

BAHAGIAN D
(Pendidikan Khas)

Dijawab oleh calon-calon Pendidikan Khas sahaja.
Jawab **SEMUA** soalan

6. Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Khas telah menetapkan sukatan pelajaran kanak-kanak bermasalah pembelajaran di negara ini dibahagikan kepada **EMPAT (4)** bidang.
- (a) Jelaskan bidang-bidang berkenaan. (10 markah)
- (b) Pilih **SATU (1)** bidang yang terkandung dalam sukatan pelajaran ini dan huraikan peranan serta objektif setiap komponen yang ada dalamnya. (20 markah)

DAN

7. Pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak berkeperluan khas perlu dirancang dan dilaksanakan berdasarkan kepada kesesuaian perkembangan dan keupayaan mereka. Antara pendekatan yang sering digunakan bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak ini adalah pendekatan analisis tugas.
- (a) Jelaskan maksud analisis tugas. (5 markah)
- (b) Pilih **SATU (1)** kemahiran dalam komponen pengurusan diri dan sediakan satu analisis tugas untuk mengajar kemahiran ini. (5 markah)
- (c) Sediakan satu rancangan pengajaran harian yang lengkap bagi mengajar kemahiran berkenaan. (20 markah)